



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

IKLAN DALAMAN KEKOSONGAN JAWATAN PENTADBIRAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH merupakan sebuah Universiti Awam di Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 ingin mempelawa **Kakitangan Akademik Universiti Malaysia Sabah** yang berkeelayakan untuk mengisi jawatan berikut:

1.0 BUTIRAN JAWATAN

- 1.1 Jawatan : **Pengarah Kampus Antarabangsa Labuan**
- 1.2 Gred : Gred Khas C (VK7)
- 1.3 Taraf Lantikan : Pertukaran Sementara
- 1.3 Tempoh Lantikan : Tiga (3) tahun (tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti)
- 1.4 Kelayakan : Sekurang-kurangnya telah memegang jawatan Profesor Madya dengan kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) atau Pensyarah Perubatan (Pakar).

2.0 KRITERIA PEMILIHAN

Kriteria pemilihan adalah berdasarkan Garis Panduan Pelan Penggantian UMS seperti berikut:

- 2.1 Mempunyai Ciri-ciri Personaliti Unggul (*Towering Personality*) :
 - a) **Mengurus Organisasi;**
Mempunyai cita-cita, semangat dan wawasan yang telah dikenalpasti serta sentiasa berusaha ke arah mencapai kejayaan cemerlang organisasi.
 - b) **Pengurusan Kendiri;**
Mempunyai daya kreativiti dan daya saing yang tinggi, beretika, berketrampilan, keadaan emosi yang stabil dan sentiasa berusaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran.
 - c) **Mengurus Sumber-Sumber;**
Mempunyai kebolehan dan komitmen dalam merancang, memantau dan menggerakkan sumber di bawah kawalan dengan teratur dan berkesan.
 - d) **Kepimpinan;**
Berpengetahuan luas, bijaksana, berkemahiran tinggi dan mengutamakan pematuhan peraturan.

- e) **Pembangunan Manusia;**
Mempunyai daya kreativiti yang tinggi, konstruktif, saintifik, progresif, inovatif, kritikal, global dan analitikal untuk membangunkan modal insan bagi mencapai kecemerlangan organisasi.
- f) **Kerja Berkumpulan;**
Memiliki kemampuan untuk memujuk, mengarah dan menggerak pasukan serta sumber di bawah kawalan.
- g) **Mengurus Perubahan;**
Mempunyai pemikiran yang terbuka, berpandangan jauh, rasional, yakin serta bersedia menerima dan melaksanakan perubahan.
- h) **Pengurusan Risiko:**
Berkebolehan dalam mengurus risiko dan menerajui Pusat Tanggungjawab yang dipimpin untuk bersama dengan Pengurusan Universiti dalam menangani risiko serta berusaha untuk mengurangkannya.
- i) **Adaptasi Teknologi:**
Berkebolehan dan berkeinginan untuk meneroka kemungkinan, peluang dan cabaran dalam bidang pengurusan dan pentadbiran di zaman digital, membawa UMS ke arah kejayaan di zaman digital.

3.0 CARA MEMOHON

3.1 Calon yang berminat boleh mengemukakan permohonan dengan menyertakan bersama dokumen-dokumen seperti berikut:

- a) *Curriculum Vitae'* (CV) yang lengkap dan terkini; dan
- b) *Key Performance Indicator* (KPI) serta ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik.

3.2 Sebarang pertanyaan sila hubungi:

- a) Puan Stella @ Nurul Martini Gontol
Ketua Pejabat Canselori
No. Tel : 088320000 (samb: 1410)
Emel : stella@ums.edu.my
- b) Encik Cheristopher Janie Petrus
Penolong Pegawai Tadbir
Pejabat Canselori
No. Tel : 088320000 (samb:1355)
Emel : cheristopher@ums.edu.my

3.3 Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat berikut:

Pejabat Canselori

Aras 5, Bangunan Canselori
Blok Selatan
Jalan UMS 88400
Kota Kinabalu
Sabah

3.4 Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu bual.

3.5 Penyandang sedia ada hendaklah menghantar pencapaian KPI sepanjang tempoh sandangan dan perancangan KPI yang baharu.

3.6 **Tarikh tutup permohonan ialah pada 20 Ogos 2019 (Selasa).**